

# Kadar inflasi negara masih terendah di Asia Tenggara

BH-24/7/2022 m/d: 2

## Pemberian subsidi RM77 bilion bantu rakyat berdepan kenaikan kos sara hidup

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim,  
Syaherah Mustafa dan  
Nik Abdullah Nik Omar  
bhnews@bh.com.my

**Kota Bharu:** Tahap inflasi negara ini masih pada kadar terendah di Asia Tenggara, susulan usaha berterusan kerajaan menanganinya, termasuk dengan pemberian subsidi berjumlah RM77 bilion, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yakob.

Perdana Menteri berkata, ketidaktentuan ekonomi global dan krisis geopolitik serta perubahan iklim dunia memberi kesan dan cabaran kepada kos sara hidup Keluarga Malaysia.

“Kenaikan harga jagung bijirin dan baja serta kenaikan kos logistik, menyebabkan peningkatan harga barangan yang menyaksikan kadar inflasi juga meningkat tinggi.

“Namun, Malaysia masih mengalami inflasi pada kadar terendah di Asia Tenggara, hasil usaha berterusan kerajaan menanganinya dengan memberikan subsidi berjumlah RM77 bilion.

“Kerajaan sentiasa mendengar dan menyelami keluhan Keluarga Malaysia mengenai kenaikan harga barang, khususnya membabit-

kan bahan makanan dengan RM1.1 bilion dibelanjakan untuk subsidi ayam dan telur serta RM4 bilion untuk minyak masak paket,” katanya ketika merasmikan Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia di Stadium Sultan Muhammad Ke-IV di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob.

Pada masa sama, Perdana Menteri berkata, kerajaan sedang melaksanakan kaedah baharu dan holistik bagi menangani miskin tegar, membabitkan semua Kementerian, agensi, swasta, universiti, pertubuhan bukan kerajaan dan pemimpin tempatan.

### Hapus miskin tegar pada 2025

“Program Pembasmian Miskin Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) sedang diselaraskan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bertujuan untuk menghapuskan miskin tegar pada 2025.

“Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) adalah bantuan tunai tertinggi dalam sejarah dengan peruntukan sebanyak RM8.2 bilion,” katanya.

Ismail Sabri berkata, kerajaan akan terus memberi perhatian dalam mengatasi kadar kemiskinan di Kelantan dengan memperuntukkan RM124 juta kepada hampir 590,000 penerima Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) meliputi golongan isi rumah, bujang dan warga emas yang memerlukan.

Pada masa sama, beliau menegaskan yang idea Keluarga Malaysia yang diperkenalkan pada Ogos tahun lalu, bukan sekadar retorik atau slogan semata-mata, sebaliknya memastikan kesejah-

teraan dan kepentingan rakyat terus dipelihara seperti menjaga sebuah keluarga.

“Konsep dan pendekatan Keluarga Malaysia bukan sesuatu yang sukar untuk dihadap kerana ia sebenarnya berlandaskan nilai sedia ada yang kita miliki dalam sebuah keluarga. Jika ada anggota keluarga yang kesusahan, anggota yang lain turut merasakannya, ibarat tercabut paha kiri, paha kanan pun berasa sakit.

“Justeru, kita bawa konsep ini menjelajah ke seluruh negara supaya rakyat dapat menghayati dan memahami aspirasi Keluarga Malaysia dengan lebih jelas, sekali gus diserap dalam jiwa seluruh rakyat Malaysia,” katanya.

Ismail Sabri berkata, amalan hidup bersama itu berterusan sejak enam dekad lalu dan perlu dikekalkan, dipertahankan serta diperkukuhkan walau apa juga cabaran mendatang.

Sementara itu, lebih 5,000 rakyat Kelantan terutama penduduk sekitar Parlimen Ketereh menghadiri Majlis Bekwoh Sempena Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Peringkat Negeri Kelantan 2022 yang di Kompleks Yayasan Kemiskinan Kelantan (YKK) Peringat petang semalam.

Majlis Bekwoh berkenaan menghidangkan lauk tradisi gulai kawah dengan menumbangkan tiga ekor lembu yang dimasak secara bergotong-royong oleh penduduk sejak awal pagi, sebagai meraikan kehadiran Perdana Menteri ke acara itu.

Yang turut hadir Menteri Komunikasi dan Multimedia merangkap Ahli Parlimen Ketereh, Tan Sri Annuar Musa.